



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang
Jalan Bukit Gambir
11700 Pulau Pinang

Tel : +604 657 5500
Faks : +604 658 2500
Laman Web : <http://www.moe.gov.my>

Rujukan : JPNPP(PER)1000-4/6 Jld. 24 (55)
Tarikh : 21 Januari 2020

Dato' Sri Hj. Ahmad Sukimi Ibrahim
Pengerusi Eksekutif
XUsed Worldwide Solutions Sdn. Bhd.
Unit 03-02, Tower 3, UOA Business Park
No. 1, Jalan Pengaturcara U1/51A, Seksyen U1
40150 Shah Alam, Selangor



Tuan,

MEMOHON KELULUSAN DAN SOKONGAN DALAM MELAKSANAKAN PROGRAM KITAR SEMULA "XUSED – LEARN & EARN" DAN SISTEM EKO LENGKAP PEMBAYARAN TANPA TUNAI (CASHLESS PAYMENT) UNTUK SEKOLAH DI NEGERI PULAU PINANG

Dengan segala hormatnya surat YBhg. Dato' Sri (Ruj : M/2020/01/01) bertarikh 13 Januari 2020 berkaitan perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang **tiada halangan** untuk membenarkan pihak YBhg. Dato' Sri mengadakan program tersebut di sekolah-sekolah Pulau Pinang bagi tahun 2020 seperti yang dipohon.
3. Sehubungan dengan itu, pihak YBhg. Dato' Sri adalah tertakhluk kepada **Surat Pekeliling Bil. 5/2018: Garis Panduan Perwakilan Kuasa daripada Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru kepada Pendaftar bagi Kelulusan Permohonan Oleh Pihak Luar Menjalankan Aktiviti Melibatkan Murid, Guru dan Institusi Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia** dan pohon kerjasama daripada pihak YBhg. Dato' Sri untuk mematuhi syarat-syarat berikut :

- 3.1 Perlu mendapatkan kebenaran daripada Pengetua/Guru Besar sekolah terlebih dahulu.
- 3.2 Penyertaan murid dan guru hendaklah tidak mengganggu atau menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran mereka.
- 3.3 Penganjur bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kebajikan guru dan murid yang terlibat dengan program ini;
- 3.4 Penyertaan murid-murid, warga sekolah mahupun pihak sekolah sendiri tidak boleh dipaksa atau diwajibkan terlibat dengan program ini.
- 3.5 Pihak penganjur hendaklah menanggung semua kos penganjuran program atau aktiviti murid-murid berkenaan.
- 3.6 Pihak penganjur hendaklah memastikan langkah-langkah keselamatan murid terjamin semasa menghadiri program berkenaan.

MEMOHON KELULUSAN DAN SOKONGAN DALAM MELAKSANAKAN PROGRAM KITAR SEMULA “XUSED – LEARN & EARN” DAN SISTEM EKO LENGKAP PEMBAYARAN TANPA TUNAI (CASHLESS PAYMENT) UNTUK SEKOLAH DI NEGERI PULAU PINANG

Rujukan : JPNPP(PER)1000-4/6 Jld. 24 (55)

Tarikh : 21 Januari 2020

- 3.7 Tiada implikasi kewangan kepada Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, sekolah, pegawai/guru dan murid yang terlibat.
 - 3.8 Sila kemukakan surat ini apabila berurusan dengan pihak sekolah.
 - 3.9 Surat ini berkuatkuasa bagi tujuan di atas dan bagi tahun semasa sahaja.
4. Untuk makluman YBhg. Dato' Sri, Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang berhak menarik balik surat kelulusan/kebenaran sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuatkuasa.
5. Perhatian dan kerjasama YBhg. Dato' Sri berhubung perkara di atas amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(SUHAIMI BIN SAIDIN)

Timbalan Pengarah Pendidikan
Sektor Pengurusan Sekolah
b.p Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang